



Headline: Suri rumah, penganggur ramai ditipu Macau Scam

Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 4 June 2019

Section: Dalam Negeri
Page: 10

Suri rumah, penganggur ramai ditipu Macau Scam

KUANTAN 3 Jun - Sindiket Macau Scam tidak memilih siapa akan menjadi mangsanya sama ada pelajar, buruh, doktor, warga emas, pesara, mahupun anggota polis.

Semua golongan berisiko menjadi sasaran jenayah tanpa sempadan itu dan jika tidak berhati-hati menjawab panggilan telefon daripada nombor tidak dikenali, mereka bakal menjadi mangsanya.

Ini kerana sindiket jenayah penipuan melibatkan kewangan itu dikatakan cukup pakar memanipulasi keadaan sebaik mengesan getar suara yang membayangkan ketakutan mangsa.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintenden Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, terda-

pat empat kategori mangsa sindiket berkenaan iaitu suri rumah dan tidak bekerja, sektor kerajaan, sektor swasta dan kategori terakhir ialah berniaga serta bekerja sendiri.

Menurutnya, statistik jabatan itu sehingga April lalu menunjukkan golongan suri rumah dan individu tidak bekerja paling banyak menjadi mangsa peni-



**MOHD. WAZIR
MOHD. YUSOF**

puan.

Beliau berkata, untuk tempoh empat bulan pertama tahun ini, sebanyak 41 peratus kedua-dua golongan itu menjadi mangsa sindiket berkenaan membabitkan kerugian berjumlah RM361,379.10 berbanding 26 peratus tahun sebelumnya dengan kerugian dicatatkan RM1.648 juta.